

# **Peranan Guru dalam Memacukan Pembangunan Sukan di Malaysia**

**Julismah Jani (Ph. D)**

[julismah@upsi.edu.my](mailto:julismah@upsi.edu.my)

Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

*Kertas kerja yang telah dibentangkan di Konvensyen Sukan Antarabangsa Teluk Danga Mac, 2006 di Johor Bahru, Johor*

## **Abstrak**

Kerajaan Malaysia sangat perihatin terhadap pembangunan dan perkembangan sukan di Malaysia. Jesteru itu, Dasar Sukan Negara telah digubal dengan menumpukan kepada Sukan Massa dan Sukan Prestasi Tinggi (Kementerian Belia dan Sukan, 1988). Dasar tersebut bertujuan untuk membentuk masyarakat yang sihat dan cergas melalui penglibatan aktiviti sukan ke arah mencapai kecemerlangan dalam sukan ke tahap tinggi. Strategi pelaksanaan sukan massa dan sukan prestasi tinggi hendaklah dibangunkan serentak dengan pendekatan serta tumpuan yang berbeza. Pendekatan bagi membangunkan sukan massa hendaklah ditumpukan kepada pendidikan sukan. Pendekatan tersebut melibatkan sokongan daripada semua pihak termasuk guru. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana peranan guru dalam memacukan pembangunan sukan di Malaysia. Objektif kajian ialah mengenalpasti tahap ilmu konten guru opsyen dan bukan opsyen dalam bidang sukan berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah. Kajian ini turut mengkaji pelaksanaan pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen dalam Pendidikan Jasmani. Sampel kajian melibatkan 189 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di tingkatan satu hingga lima sama ada opsyen atau bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah Daerah Batang Padang, Perak. Keputusan kajian mendapati 96.0% guru opsyen mempunyai ilmu konten pada tahap tinggi dan 4.0 % pada tahap sederhana. Bagi guru bukan opsyen, seramai 2.9 % mempunyai ilmu konten pada tahap tinggi, 94.2% pada tahap sederhana dan 2.9% pada tahap rendah. Kajian ini turut mendapati 90.0 % guru opsyen mengajar lebih dari 50 peratus tajuk-tajuk bidang sukan berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani berbanding 6.4 % guru bukan opsyen. Seterusnya, sebanyak 24.5 % guru bukan opsyen tidak mengajar tajuk bidang sukan dalam pelajaran Pendidikan Jasmani. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa pelajar di sekolah menengah yang dikaji tidak mendapat pendidikan sukan yang meluas untuk menggalakkan penyertaan dalam sukan sepenuhnya bagi mencapai matlamat Dasar Sukan Negara khususnya sukan massa.

## Pengenalan

Kerajaan Malaysia sangat perihatin terhadap pembangunan dan perkembangan sukan di Malaysia. Kerajaan telah menyediakan prasarana sukan untuk kemudahan rakyat menceburkan diri dalam sukan dan dana bagi pertandingan peringkat kebangsaan hingga antarabangsa demi pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat. Jesteru itu, Dasar Sukan Negara telah digubal dengan menumpukan kepada Sukan Massa dan Sukan Prestasi Tinggi (Kementerian Belia dan Sukan, 1988).

Sukan massa merujuk kepada segala jenis sukan termasuk aktiviti rekreasi yang berbentuk fizikal dan penglibatannya terbuka kepada semua peringkat masyarakat. Ia merupakan sukan untuk semua bagi menggalakkan penyertaan yang luas bukan semata-mata untuk pertandingan. Dasar sukan massa bertujuan untuk membentuk masyarakat yang sihat dan cergas melalui penglibatan aktiviti sukan dan rekreasi. Pelbagai program yang melibatkan slogan “Malaysia Cergas” telah diusahakan oleh organisasi tertentu bagi menggalakkan penyertaan serta kesedaran masyarakat terhadap faedah bersukan dan rekreasi.

Sukan prestasi tinggi merujuk kepada sukan pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dasar sukan prestasi tinggi menekankan pencapaian kecemerlangan atlet pada tahap tinggi. Majlis Sukan Negara telah dipertanggungjawab menyelaraskan pembangunan sukan prestasi tinggi.

Kejayaan pembangunan sukan negara perlu bermula dengan menggerakkan masyarakat aktif dalam sukan sebagai amalan dan budaya hidup mereka. Pendekatan menggerak dan membudayakan sukan hendaklah ditumpukan kepada pendidikan sukan di peringkat sekolah. Pendidikan sukan menitikberatkan pengajaran kemahiran, strategi dan pengetahuan tentang sukan dan aktiviti kecergasan fizikal. Pendekatan tersebut melibatkan sokongan daripada semua pihak termasuk guru. Peranan guru bukan semata-mata mengajar topik-topik pelajaran yang ditentukan dalam sukatan pelajaran bidang masing-masing. Peranan guru ialah menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bidang kepakarannya melalui pelbagai pendekatan mengajar untuk pelajar menimba pembelajaran secara berkesan. Hasil dari proses pembelajaran yang berkesan, pelajar dapat meningkatkan kefahaman melalui proses kognisi, membina kecekapan sesuatu kemahiran melalui pergerakan psikomotor dan menerapkan nilai-nilai afektif yang baik melalui aktiviti sosialisasi (Rink, 2002).

Persoalannya, bagaimanakah seseorang guru boleh berjaya dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan? Apakah formula atau model yang perlu ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan? Mampukah seseorang guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan?

Persoalan tentang bagaimanakah seseorang guru boleh berjaya dalam mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah apabila guru menguasai ilmu konten dan ilmu pedagogi yang mantap dalam bidangnya. Formula atau model yang perlu ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah pendekatan-pendekatan yang melibatkan penggabungan ilmu konten dan ilmu pedagogi secara bersepadu dan bermakna. Kemampuan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan boleh

direalisasikan sekiranya guru bermotivasi, kompeten dan komitmen terhadap bidang profesion keguruan yang diceburinya. Guru Pendidikan Jasmani seharusnya pakar dalam pelbagai bidang sukan dan kecergasan fizikal bagi menentukan bagaimana cara mereka menyampaikan ilmu dan sejauhmana murid belajar dalam satu-satu unit konten pelajaran. Salah satu aspek penting pengajaran seseorang guru ialah penguasaan dalam teras pengetahuan mengajar (knowledge based of teaching) secara interaktif dan mendalam.

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana penguasaan guru dalam teras pengetahuan mengajar khususnya ilmu konten serta pelaksanaan pengajaran dalam pelajaran Pendidikan Jasmani sebagai peranan utama dalam memacukan pembangunan sukan di Malaysia.

Teras pengetahuan mengajar bermaksud segala jenis pengetahuan yang perlu ada pada seseorang guru untuk mengajar dengan berkesan dalam bidang pelajarannya di sekolah (Shulman, 1987). Salah satu elemen teras pengetahuan mengajar ialah ilmu konten iaitu pengetahuan tentang kandungan subjek bidang yang hendak di ajar. Christensen (1996) melaporkan bahawa di negara Amerika, kebanyakan guru menggunakan elemen teras pengetahuan dalam mengajar bagi program pendidikan yang dianjurkan oleh the *National Council on Accreditation for Teacher Education* (NCATE). Kebaikan yang dapat dihasilkan apabila guru menggunakan elemen-elemen teras pengetahuan dalam proses pengajarannya ialah:

- a). Guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai berdasarkan ilmu konten, ilmu pedagogi am dan ilmu konten pedagogi ke arah mencapai objektif pelajaran.
- b). Aktiviti-aktiviti pengajaran dilaksanakan dengan berkesan berdasarkan pengetahuan dalam kurikulum sekolah, pengetahuan tentang konteks pendidikan, pengetahuan tentang murid dan ciri-ciri murid dan pengetahuan tentang matlamat pendidikan.
- c). Proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan dapat memotivasikan murid dengan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Pendidikan Jasmani.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperuntukan dua waktu seminggu bagi pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah dan masa bagi kegiatan kokurikulum (bidang sukan) kepada pelajar. Pendidikan Jasmani adalah bidang ilmu yang mengabungkan aspek-aspek pendidikan melalui aktiviti pergerakan fizikal dalam sukan. Matlamat Pendidikan Jasmani adalah ke arah pembinaan kecergasan diri pelajar melalui amalan-amalan gaya hidup sihat serta menjadikan aktiviti kecergasan dan sukan sebagai pendidikan sepanjang hayat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999). Berdasarkan matlamat tersebut, guru perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut sukatan pelajaran dan disesuaikan dengan tahap kematangan dan kebolehan pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran guru hendaklah bermakna dan berkesan dengan menguasai ilmu konten pedagogi pada tahap tinggi.

Surat pekeliling ikhtisas bilangan 25/1998 memaklumkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah mata pelajaran teras dan perlu dilaksanakan seperti yang diperuntukan dalam Akta Pendidikan 1996. Pelaksanaan mata pelajaran tersebut hendaklah berlandaskan kepada pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang terkandung di dalam Sukatan Pelajaran

Pendidikan Jasmani melalui pergerakan fizikal. Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001) disusun mengikut tiga tunjang utama iaitu Tunjang 1: Kecergasan, Tunjang 2: Kemahiran, dan Tunjang 3: Kesukanan.

Tunjang Kecergasan memfokuskan kepada komponen kecergasan berasaskan kesihatan dan perlakuan motor. Guru yang mempunyai ilmu konten dalam tunjang ini perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam aspek daya tahan kardiovaskular, daya tahan otot, kekuatan, kelenturan dan komposisi badan bagi komponen kecergasan berasaskan kesihatan. Bagi komponen kecergasan berlandaskan perlakuan motor, guru perlu menguasai ilmu konten dan kecekapan kemahiran dalam aspek koordinasi,imbangan, ketangkasan, kuasa, masa tindak balas dan kepantasan.

Tunjang kedua iaitu Kemahiran adalah aktiviti-aktiviti belajar yang melibatkan pelajar melakukan pergerakan lakuan motor asas seperti kemahiran-kemahiran dalam permainan sukan, olahraga, gimnastik, pendidikan pergerakan, pergerakan kreatif dan rekreasi. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang lengkap dan cekap dalam melaksanakan kemahiran-kemahiran dalam permainan sukan, olahraga, gimnastik, pendidikan pergerakan, pergerakan kreatif dan rekreasi.

Tunjang Kesukanan menumpukan kepada pendidikan dan amalan pelajar berkaitan aspek keselamatan, pengurusan, kerjaya, etika dan isu-isu dalam pendidikan jasmani dan sukan. Bagi tunjang ini, guru perlu mempunyai ilmu konten yang dapat mengaitkan tunjang tersebut dengan bidang lain seperti perubatan, pentadbiran, ekonomi, agama dan politik.

### **Penyataan Masalah**

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah sepatutnya diajar oleh guru-guru yang berkelayakan dalam bidang Pendidikan Jasmani atau Sains Sukan (guru opsyen) kerana mereka telah didedahkan dengan ilmu konten dan pedagogi semasa dalam kursus pengajiannya. Namun demikian, masih terdapat guru-guru yang bukan dalam bidang Pendidikan Jasmani atau Sains Sukan (guru bukan opsyen) diminta untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Perkara ini berlaku kerana kurangnya guru opsyen Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah. Tambahan, pihak sekolah masih beranggapan bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani boleh diajar oleh semua guru kerana mata pelajaran ini tidak berunsur peperiksaan dan pendekatan mengajar lebih kepada bermain-main. Tanggapan tersebut tidak berasas kerana peranan guru ialah menyampaikan ilmu pengetahuan dalam pelbagai pendekatan kepada murid untuk mereka menimba pembelajaran yang berkesan.

Persoalannya, adakah guru opsyen dan bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah mempunyai ilmu konten dalam proses pengajaran dan pembelajarannya? Justeru itu, kajian ini ingin mengenal pasti sejauh mana penguasaan ilmu konten guru Pendidikan Jasmani (opsyen atau bukan opsyen) dan pelaksanaannya dalam pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah daerah Batang Padang, Perak.

## **Objektif Kajian**

- a). Mengenalpasti tahap ilmu konten guru opsyen dan bukan opsyen dalam bidang sukan berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah di sekolah yang dikaji.
- b). Mengkaji sama ada wujud pelaksanaan pengajaran dalam bidang sukan bagi guru opsyen dan bukan opsyen semasa pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah yang dikaji.

## **Kaedah Kajian**

Rekabentuk kajian ini berupa deskriptif melalui kaedah survey. Konseptual kajian memfokuskan kepada tahap penguasaan ilmu konten dan pelaksanaan mengajar guru opsyen dan bukan opsyen dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.

Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini berupa soal selidik. Alat ukur tersebut mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan tentang demografi responden (guru opsyen atau guru bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Jasmani). Bahagian ini dapat memberikan maklumat latar belakang sama ada guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani adalah guru opsyen atau guru bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Jasmani serta pengalaman mengajar guru dalam bidang tersebut. Bahagian kedua dalam soal selidik ini merupakan soalan-soalan yang mengandungi elemen ilmu konten. Soalan-soalan ini memberi gambaran sejauh mana tahap penguasaan ilmu konten guru sama ada opsyen atau bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Jasmani. Manakala bahagian ketiga berupa soalan-soalan yang meliputi pelaksanaan pengajaran guru dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.

Sampel kajian meliputi guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani sama ada opsyen atau bukan opsyen dalam bidang Pendidikan Jasmani bagi tingkatan satu hingga tingkatan lima di sekolah-sekolah menengah. Tempat kajian ialah sekolah-sekolah menengah Daerah Batang Padang, Perak yang melibatkan kawasan Tanjong Malim, Slim River, Sungkai dan Tapah.

## **Keputusan Kajian**

Jadual 1 menunjukkan keputusan analisis data tentang ilmu konten (pengetahuan dan kemahiran) guru opsyen dan bukan opsyen Pendidikan Jasmani mengikut Tunjang Pembelajaran dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Hasil kajian mendapati bahawa pada keseluruhannya guru yang dikaji mempunyai ilmu konten di antara 26% hingga 75% dalam Tunjang Kecergasan, 26% hingga 75% dalam Tunjang Kemahiran dan 51% hingga 100% dalam Tunjang Kesukanan. Sesungguhnya, guru opsyen menguasai ilmu konten dalam ketiga-tiga Tunjang Pembelajaran pada peratusan yang tinggi berbanding guru bukan opsyen Pendidikan Jasmani.

**Jadual 1:** Peratus Ilmu Konten Guru Opsyen (n = 50) dan Bukan Opsyen Pendidikan Jasmani mengikut Tunjang Pembelajaran (n = 139)

Tunjang Pembelajaran %	Guru Opsyen %	Guru Bukan Opsyen %	Keseluruhan %
<b>Tunjang Kecergasan</b>			
76% - 100%	37.0	04.8	20.9
51% - 75%	43.7	28.9	36.3
26% - 50%	17.2	59.4	38.3
Kurang 25%	02.1	06.9	04.5
<b>Tunjang Kemahiran</b>			
76% - 100%	37.3	26.0	31.6
51% - 75%	48.9	31.5	40.2
26% - 50%	13.8	38.1	26.0
Kurang 25%	0	04.4	2.2
<b>Tunjang Kesukanan</b>			
76% - 100%	68.4	42.9	55.6
51% - 75%	31.6	56.0	43.8
26% - 50%	0	01.1	00.6
Kurang 25%	0	0	

Jadual 2 di bawah ini adalah keputusan analisis data tentang tahap penguasaan ilmu konten guru opsyen dan bukan opsyen dalam Pendidikan Jasmani.

**Jadual 2:** Tahap Penguasaan Ilmu Konten Guru Opsyen dan Bukan Opsyen Pendidikan Jasmani (n = 189)

Teras Pengetahuan Mengajar		Peratus			Skor Min Keseluruhan	Sisihan Piawai	Tahap Penguasaan
		Skor Min 1.00 – 2.33 Rendah	Skor Min 2.34 – 3.66 Sederhana	Skor Min 3.67 – 5.00 Tinggi			
Ilmu Konten	<b>O</b>	0	04.0	96.0	4.040	0.234	Tinggi Sederhana Sederhana
	<b>BO</b>	02.9	94.2	02.9	2.772	0.278	
	<b>K</b>	02.1	70.4	27.5	3.107	0.620	

Nota: **O:** Opsyen Pendidikan Jasmani (n = 50)  
**BO:** Bukan Opsyen Pendidikan Jasmani (n = 139)  
**K:** Keseluruhan (Guru Opsyen dan Bukan Opsyen)

Keputusan kajian mendapati 96.0% guru opsyen mempunyai ilmu konten pada tahap tinggi dan 4.0 % pada tahap sederhana. Bagi guru bukan opsyen, seramai 2.9 % mempunyai ilmu konten pada tahap tinggi, 94.2% pada tahap sederhana dan 2.9% pada tahap rendah. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan guru Pendidikan Jasmani menguasai ilmu konten pada tahap sederhana.

Kajian ini turut mendapati 90.0 % guru opsyen mengajar lebih dari 50 peratus tajuk-tajuk bidang sukan berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani berbanding 6.4 % guru bukan opsyen (Rujuk Jadual 3). Seterusnya, sebanyak 24.5 % guru bukan opsyen tidak mengajar tajuk bidang sukan dalam pelajaran Pendidikan Jasmani.

**Jadual 3:** Peratus Pelaksanaan Mengajar Guru Opsyen (n = 50) dan Bukan Opsyen Pendidikan Jasmani mengikut Tunjang Pembelajaran (n = 139)

	Mengajar mengikut Tunjang Pembelajaran %				Tidak Mengajar %
	76% - 100%	51% - 75%	26% - 50%	Kurang 25%	
Guru Opsyen	55.1	34.9	10.0	0	0
Guru Bukan Opsyen	02.0	04.4	24.3	44.8	24.5

## Perbincangan dan Implikasi Kajian

Sukan sering dikaitkan dengan aktiviti fizikal yang memerlukan kemahiran pergerakan motor serta kecergasan fizikal, mental dan emosi yang baik. Sukan juga dilihat sebagai satu institusi sosial yang berpangaruh dan berperanan dalam membudayakan masyarakat yang sihat, cergas, bersemangat kesukanan dan bersikap positif dalam sukan. Membudayakan sukan perlu dibentuk dari peringkat kanak-kanak dengan ilmu pendidikan sukan. Ilmu pendidikan sukan telah bermula dibangku sekolah melalui mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan kegiatan kokurikulum. Guru yang terlibat secara langsung dalam pendidikan sukan bertanggungjawab memberikan didikan dan bimbingan tentang bidang sukan dengan sempurna. Kesempurnaan mendidik dan membimbing merujuk kepada kemantapan ilmu konten dan pedagogi guru dalam bidang sukan melalui mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

Namun, hasil dari kajian ini mendapati bahawa purata 48 % guru opsyen yang mempunyai ilmu konten di antara 76 % hingga 100% dalam Tunjang Pembelajaran mengikut Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani (KBSM). Manakala 25% guru bukan opsyen mempunyai ilmu konten pada tahap 76 % hingga 100% dalam Tunjang Pembelajaran mengikut Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani (KBSM). Sehubungan itu, keputusan kajian mendapati 96.0% guru opsyen mempunyai ilmu konten pada tahap tinggi dan 4.0 % pada tahap sederhana. Bagi guru bukan opsyen, seramai 2.9 % mempunyai ilmu konten pada tahap tinggi, 94.2% pada tahap sederhana dan 2.9% pada tahap rendah. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan guru Pendidikan Jasmani menguasai ilmu konten pada tahap sederhana.

Menurut Shulman (1987), seseorang guru perlu menguasai teras pengetahuan terutamanya ilmu konten untuk mengajar dengan berkesan dalam bidang pelajarannya di sekolah. Ilmu konten sangat penting kerana matlamat pengajaran seseorang guru ialah untuk melaksanakan sebaik mungkin proses pembelajaran yang berkesan agar pembelajaran menjadi lebih menarik dan dapat memotivasikan murid dengan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti Pendidikan Jasmani. Shanker (1985), telah melaporkan bahawa guru di Amerika Syarikat yang dikaji menggunakan kemahiran profesional am (ilmu pedagogi am) dengan lebih cenderung memilih tajuk dan kaedah pengajaran yang mudah semasa mengajar bagi menangani situasi yang mana guru merasakan mereka kurang pengetahuan dalam bidang yang diajar. Seharusnya guru perlu yakin menggunakan ilmu konten daripada ilmu pedagogi am dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar di sekolah.

Pissanos & Temple (1990), melaporkan bahawa guru opsyen Pendidikan Jasmani merasa kecewa dengan kualiti pengajaran guru bukan opsyen kerana pengajaran mereka bersifat “ikut apa yang cikgu suruh buat” daripada pengajaran yang berpusatkan ‘bagaimana nak lakukan dan mengapa perlu lakukan kemahiran itu’. Harris (1992), menegaskan bahawa peranan guru Pendidikan Jasmani ialah memperkembangkan pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan sikap melalui aktiviti sukan supaya murid menjadi pengamal dalam membudayakan sukan untuk kesihatan dan kecergasan. Kementerian Pendidikan Malaysia (1997) pula menjelaskan bahawa peranan guru bestari ialah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti sebagai aspek penting bagi menjamin tercapainya matlamat pendidikan negara seterusnya wawasan negara.

Guru Pendidikan Jasmani adalah guru yang menyebarkan pengetahuan awal kepada pelajar tentang sesuatu kemahiran baru tentang sukan. Mereka adalah pencetus kepada minat pelajar terhadap sukan dan seterusnya pelajar akan memilih sukan kegemarannya sebagai kegiatan riadah. Kekangan dalam menguasai sesuatu kemahiran sukan sering berlaku kerana guru yang mengajar Pendidikan Jasmani kurang ilmu pengetahuan dalam bidang yang diajar. Tambahan, guru hanya merasakan tiada keperluan dan kepentingan untuk mengajar pelajaran Pendidikan Jasmani kerana tidak melibatkan penilaian dan akauntabiliti. Tillman (1996), memperkatakan tentang akauntabiliti yang harus dimiliki oleh seseorang guru Pendidikan Jasmani. Guru Pendidikan Jasmani yang berakauntabiliti menurut beliau adalah guru yang mempunyai kesedaran dan bertanggungjawab terhadap tugas mengajarnya dengan betul dan sempurna. Justeru, akan mewujudkan situasi pembelajaran yang bermakna bagi seseorang pelajar hasil komitmen guru yang berakauntabiliti.

Setiap guru mesti mempunyai tanggungjawab terhadap menyampaikan pelajaran dan sepatutnya menghabiskan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Namun dalam kajian ini didapati, 90.0 % guru opsyen mengajar lebih dari 50 peratus tajuk-tajuk bidang sukan berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani berbanding 6.4 % guru bukan opsyen. Seterusnya, sebanyak 24.5 % guru bukan opsyen tidak mengajar tajuk bidang sukan dalam pelajaran Pendidikan Jasmani. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa pelajar di sekolah menengah yang dikaji tidak mendapat pendidikan sukan yang meluas untuk menggalakkan penyertaan dalam sukan sepenuhnya.

Gambaran sedemikian memberi implikasi bahawa matlamat Dasar Sukan Negara khususnya sukan massa sukar mendapat sokongan dan penyertaan sepenuhnya bagi membentuk masyarakat yang sihat dan cergas. Sebenarnya sistem pendidikan di Malaysia memberi peluang kepada setiap pelajar mengetengahkan bakat dan kebolehan mereka dalam bidang sukan. Ketrampilan guru dalam sukan sepatutnya dapat menggarap pelajar menyalurkan kemahiran bersukan serta dapat menggunakan ilmu pendidikan sukan semasa mereka menyertai pertandingan di peringkat sekolah, daerah atau negeri.

Berdasarkan dapatan kajian, adalah disimpulkan bahawa peranan guru Pendidikan Jasmani ialah memantapkan diri dengan ilmu konten, akauntabiliti dalam melaksanakan pengajaran dan mata pelajaran Pendidikan Jasmani perlu diajar oleh guru opsyen Pendidikan Jasmani ke arah memacukan pembangunan sukan di Malaysia.

## Rujukan

- Christensen, D. (1996). The professional knowledge research base for teacher education. In M. W. Metzler. (2000). Instructional models for physical education, (pp. 21). Boston: Allyn and Bacon.
- Harris, J. (1992). Highlighting health related exercise within the National Curriculum-Part 2. The British Journal of Physical Educator, 23, (2). Pg 18-22.
- Kementerian Belia dan Sukan. (1988). Dasar sukan Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). Sekolah bestari di Malaysia. Kuala Lumpur: Pasukan Petugas Sekolah Bestari.
- Pissanos, C., & Temple, J.G. (1990). Fitting together physical education specialist and classroom teachers, pupils and teachers. The Physical Educator, 58,(3). Pg 154-156.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1999). Sukatan pelajaran rendah dan menengah: Pendidikan Jasmani. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Pendidikan Jasmani. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rink, J. E. (2002). Teaching physical education for learning (4th ed.). Boston: Mc Graw Hill.
- Shanker, A. (1985). "Educations dirty little secret." *New York Times*, October, 1986.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. Harvard Educational Review, 15 (2), 4-14.
- Tillman, K.G. (1996). The administration of physical education, sport and leisure programs (6th ed). Needham Height Massachusetts: Simon & Schuster Company.